

28 APR 2003

Negara-Gulung (Perbekalan)

KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN AKAN DISALURKAN SECARA TELUS

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang baru diluluskan penubuhannya oleh Parlimen, akan melaksanakan tanggungjawabnya secara telus dan berhemah bagi memastikan pelajar miskin tidak tercicir dalam mendapat pendidikan, persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail berkata semua pihak yang layak untuk mendapat bantuan itu akan diberi layanan yang sama tanpa mengira latar belakang agama, kaum dan juga politik.

"Dalam soal pendidikan, kerajaan tidak pernah mendiskriminasikan mana-mana pihak, dan sebelum ini anak-anak anggota parti pembangkang juga mendapat nikmat dan kemudahan pendidikan negara," katanya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003 di sini.

Katanya prasangka mengenai tabung ini tidak sepatutnya wujud memandangkan ia belum dilancarkan.

Hashim berkata tabung itu yang mempunyai dana awal berjumlah RM200 juta dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Mei ini, akan tertakluk kepada pangawasan dan audit yang ketat.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh tiga senator yang mewakili parti pembangkang iaitu Senator Hassan Shukri, Jamilah Ibrahim dan Siti Zailah Mohd Yusoff mengenai kumpulan wang amanah itu.

"Tidak ada sesuatu yang tidak betul, sentiasa ada kebertanggungjawapan, khusus untuk pantau keluar masuk wang tabung ini," katanya.

Hashim berkata kerajaan juga akan memantau pemberian bantuan itu daripada segi kesan positifnya kepada penerima, terutama daripada aspek pencapaian akademik.

"Bagi pelajar mendapatkan bantuan, "kerajaan tidak perlu tanya siapa, anak siapa dan sokongan parti mana. Mereka hanya perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata tabung ini bertujuan membantu pelajar daripada keluarga yang berpendapatan bawah RM500 sebulan dengan bantuan meliputi yuran sekolah, wang saku, tambang bas, elaun basikal, pakaian seragam dan sebagainya yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2,200 setahun bagi setiap pelajar, katanya

Hashim berkata kerajaan juga tidak bergantung kepada bantuan ahli politik semata-mata untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan itu kerana kerajaan mempunyai pelbagai sumber lain termasuk guru besar, ketua kampung dan penghulu.

"(Keputusan untuk memberikan bantuan) tidak bergantung kepada satu sumber supaya berlaku proses sekatan dan imbalan," katanya.

Hashim berkata bagi memastikan tidak ada pertindihan dalam pemberian bantuan itu, Kementerian Pendidikan akan berkerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta agensi yang berkaitan.

Di peringkat awal, bantuan akan diberikan kepada pelajar miskin yang tercicir di peringkat prasekolah dan sekolah rendah kerana pelajar sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi telah disediakan kemudahan biasiswa dan pinjaman.

Rang Undang-Undang itu kemudian diluluskan setelah dibahas oleh 19 orang sejak Selasa lepas.

-- BERNAMA

HK HK LAT